

Rosmanizam Abdullah, Marzuki Yusoff, Jailani Abdullah, Zainu'l Azhar Ash'ari, Sayed Hesham Idris, Norzie Khasbi, Metra Syahril Mohamed, Fairuz Yusof, Taufek Razak, Abdul Hafiz Ahmad, Aizawati Ahmad, Mariatul Qatiah Zakaria, Hisyamuddin Ayub, Azrul Naimi Abdul Jalil, Zazali Jamian, Nor Azan Fitri Ahmad Hidir, Ahmad Fadzil Zainol Ariffin, Iswan Shafiq Mat Isa, Rafie Azmi, Rosalinda Said, Fadhilul Izmel Ishak, Sufian Hadi Sojak, Rozaidi Zulkifli, Sharaimai Shaik Ahmedullah, Juani Munir Abu Bakar, Hakimi Ismail, Al Faizal Abdul Karim, Nur Fatiehah A. Rashid, Sajida Asarulh Khan, Akmyr Syahar Azwar A. Kadir

Arma Rizal Abu Bakar  
Aminuddin Muda  
Nadzme Naip  
Faidhunnur Filus  
Shahrul Nizam Yunus  
Hazwan Hanis M. Noor  
Noraishah Amzah



# Malaysia tuntutan 'hutang lama'

■ KUALA LUMPUR 19 OGOS

'SAKIT' dikalahkan dalam final dua tahun lalu masih dirasakan skuad bola jaring negara, sekali gus membuatkan mereka turun dengan misi menebus dendam apabila berdepan seteru utama, Singapura pada penentuan pingat emas Sukan SEA Ke-29 di Stadium Juara, Bukit Kiara esok.

Dalam temasya 2015, pasukan negara kalah tipis 43-46 kepada tuan rumah dalam perlawanan akhir, yang menyaksikan Malaysia turut berdepan serangan 'psikologi' daripada

MINGGUAN MALAYSIA  
20/8/2017 p-22



**FAKTA  
2015**

Malaysia berdepan dengan serangan 'psikologi' dalam temasya Sukan SEA di Singapura

penyokong Singapura di Arena OCBC.

Ketika itu, penyokong tuan

rumah bertindak meletakkan gendang di belakang tempat duduk skuad kebangsaan sehingga memaksa jurulatih menjerit untuk memberi arahan kepada pemain.

Bagaimanapun, skuad bimbingan Tracy Robinson mahu melupakan kekecewaan itu dan bersedia merampas kembali pingat emas yang kali terakhir dimenangi ketika Kuala Lumpur menjadi tuan rumah Sukan SEA pada 2001.

Menurut Robinson, walaupun Malaysia menunjukkan aksi meyakinkan ketika mengalahkan Singapura 50-37 pada pusingan

awal, namun itu bukan ukuran sebenar kekuatan lawan, apatah lagi mereka menurunkan barisan 'eksperimen'.

"Kami tiada istilah pemain utama, sebaliknya semua ada peluang untuk diturunkan esok. Saya tidak boleh bergantung kepada pemain tertentu sahaja, kami ada 12 pemain yang boleh beraksi," katanya.

Hari ini, skuad negara membenam Brunei 70-28 dalam perlawanan separuh akhir manakala Singapura tidak diberi laluan mudah oleh Thailand apabila dipaksa berhempas pulas sebelum menang 55-43.



PEMAIN skuad bola jaring negara meraikan kejayaan melangkah ke peringkat akhir selepas menewaskan Brunei dalam separuh akhir di Stadium Juara, Bukit Kiara, Kuala Lumpur, semalam.